

7 lesen bank baru

IPOH 5 Julai - Kerajaan akan mengeluarkan tujuh lesen bank baru bagi merancakkan lagi kegiatan ekonomi dan menarik pelabur ke negara ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah (gambar) berkata, lima lesen yang akan dikeluarkan adalah



untuk bank perdagangan manakala dua lagi bagi bank Islam.

Menurutnya, langkah tersebut merupakan salah satu usaha kerajaan untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara.

"Ia sejajar dengan model ekonomi baru yang digunakan kerajaan sekarang," katanya selepas merasmikan Jalan Kampung Ramasamy yang baru

diturap di Tanjung Rambutan dekat sini hari ini.

Projek penurapan jalan bernilai RM60,000 itu bertujuan memberi keselesaan kepada 40 buah keluarga di kampung tersebut yang selama ini terpaksa melalui jalan itu untuk urusan harian.

Ahmad Husni yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata, pada masa sama, kerajaan juga akan meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan dalam masa terdekat sebagai salah satu usaha mengukuhkan kedudukan ekonomi negara.

Jelasnya, langkah berkenaan sangat penting kerana ia diyakini bakal menjadi enjin kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Kerajaan kini sedang memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan sebagai enjin utama pertumbuhan ekonomi negara.

"Ia merupakan usaha memulihkan kedudukan ekonomi negara dan saya yakin ekonomi negara kembali positif pada awal tahun depan," ujarnya.

Ahmad Husni berkata, kesan pemulihan ekonomi berjumlah RM67 bilion mampu dilihat pada suku ketiga dan keempat tahun ini.

Jelas beliau, sebanyak RM15 bilion telah dibelanjakan secara fiskal dalam pakej rangsangan ekonomi kedua, namun hanya RM10 bilion diperuntukkan bagi tahun ini.

Sumber : Utusan Malaysia

Tarikh : 6 Julai 2009

Mukasurat : 3